

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.0 Garis kasar kajian

Kajian ini telah meninjau pelaksanaan PUM di empat buah MRSM Zon Utara. PUM di MRSM dijalankan dalam bentuk aktiviti ko-kurikulum. Pelaksanaan PUM di kalangan pelajar tingkatan empat di MRSM ditinjau dari sudut tahap kefahaman tentang PUM dan keyakinan guru untuk membimbing pelajar melaksanakan PUM selepas menghadiri kursus GPP serta keperluan kepada kursus lanjutan bagi melaksanakan PUM dengan lebih berkesan lagi oleh GPP. kesediaan pelajar melaksanakan aktiviti PUM dan masalah yang dihadapi oleh guru dan pelajar ketika melaksanakan PUM.

Sampel kajian terdiri daripada 11 orang guru pembimbing PUM MRSM dan 120 orang pelajar tingkatan empat aliran sains dari 4 buah MRSM Zon Utara. Guru PUM yang dimaksudkan menjadi pembimbing aktiviti PUM dengan pengalaman mengajar serta jumlah waktu mengajar seminggu yang berbeza. Pelajar yang terlibat pula adalah terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan tingkatan empat aliran sains MRSM yang telah memperoleh pencapaian setara dalam PMR tahun 2000.

Soal selidik berbentuk *survey* atau tinjauan kertas dan pensil yang berasingan telah ditadbirkan ke atas GPP dan pelajar PUM berkenaan. Pemilihan sampel untuk kajian ini telah dilakukan secara rambang iaitu seramai 30 orang pelajar dari setiap MRSM yang terlibat dalam PUM tahun 2001 dan 11 orang GPP di MRSM berkenaan yang membimbing pelajar pada tahun 2001.

Item Soal Selidik dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D, E, F, G dan H. Untuk Soal Selidik Guru, bahagian A mengandungi item yang berkaitan dengan latar belakang peribadi dan profesionalisme mereka. Bahagian B pula terdiri daripada item yang berkaitan dengan pengetahuan guru tentang PUM, bahagian C ialah soalan mengenai pendapat guru terhadap pelajar sebelum mereka bimbing, bahagian D mengandungi soalan tentang pelajar selepas selesai mereka dibimbing, bahagian E terdiri dari soalan mengenai pendapat guru tentang PUM secara keseluruhannya, bahagian F mengandungi soalan tentang sokongan pihak lain dalam menjayakan PUM dan bahagian G mengandungi soalan tentang cadangan guru bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM. Selidik Pelajar pula mengandungi tujuh bahagian. Bahagian A mengandungi item latar belakang pendidikan sampel kajian. Manakala bahagian B mengandungi item berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap PUM, bahagian C mengandungi soalan pendapat pelajar tentang dirinya sebelum melibatkan diri dalam PUM, bahagian D mengandungi soalan tentang diri pelajar selepas menyertai PUM, bahagian E mengandungi soalan tentang pendapat umum berkait dengan penyertaan pelajar dalam PUM, bahagian F terdiri daripada soalan tentang sokongan pihak lain dalam melaksanakan PUM dan bahagian G pula mengandungi soalan tentang cadangan pelajar untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM. Data yang diperoleh daripada Soal Selidik Guru dan Soal Selidik Pelajar kemudiannya diproses dan dianalisis menggunakan program SPSS (*Statistical Package for the Social Science*) Versi 9. Analisis yang dilakukan ke atas data adalah berbentuk analisis statistik secara deskriptif dan inferensi. Ringkasan dan rumusan berdasarkan analisis ke atas data adalah diterangkan seperti berikut:-

5.1 Ringkasan dapatan utama

Penerangan ke atas dapatan utama telah memfokuskan kepada pelaksanaan PUM yang dibahagikan mengikut empat bahagian utama iaitu:-

- (i) Kefahaman GPP tentang langkah melaksanakan PUM selepas menghadiri kursus GPP.
- (ii) Keyakinan guru untuk melaksanakan PUM mengikut langkah yang telah ditentukan semasa kursus GPP.
- (iii) Kesiediaan pelajar melaksanakan aktiviti PUM
- (iv) Faktor yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan PUM.

5.1.1. Kefahaman GPP tentang langkah melaksanakan PUM selepas menghadiri kursus GPP.

Kajian ini mendapati 45.5% (5) guru daripada 11 orang guru tidak pernah menerima pendedahan awal mengenai PUM sewaktu menjalani latihan perguruan di universiti/maktab, sebanyak 54.5 % (6) guru pernah menghadiri kursus berkaitan PUM di universiti/maktab. Di kalangan 11 orang GPP ini, sebanyak 63.6% (7) Guru telah berpeluang menghadiri kursus PUM setelah menjadi guru MRSM. Manakala sebanyak 36.4% (4) guru tidak berpeluang mengikuti kursus PUM. Daripada 7 orang GPP yang pernah menghadiri kursus PUM, sebanyak 71.4 % (5) guru telah berpeluang menghadiri kursus GPP sebanyak antara 1 hingga 3 kali dan sebanyak 28.5 % (2) guru telah menghadiri kursus lebih daripada 3 kali. Manakala tempoh menghadiri kursus pula sebanyak 42.9 % (3) guru menyatakan bahawa mereka telah menghadiri kursus selama 2 hari atau kurang bagi setiap kali kursus dan sebanyak 57.1 % (4) orang guru menyatakan tempoh mereka menghadiri kursus melebihi 3

hari.. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa semua guru yang pernah menghadiri kursus PUM mendapat penerangan daripada pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PUM iaitu Pegawai BPM dan sebanyak 42.9 % (3) guru menerima penerangan daripada pensyarah universiti/maktab Penerangan yang diberi oleh pihak yang berkenaan dengan pelaksanaan PUM disampaikan dalam bentuk sama ada taklimat/syarahan,dialog, demonstrasi/tunjukcara dan amali secara individu dan berkumpulan. Dari segi menerima isi kandungan PUM pula, sebanyak 28.6 % (20) guru menerima secara terperinci, 42.8 % (3) guru menerima sebahagian sahaja dan sebanyak 28.6 % lagi (2) guru merasakan yang mereka mendapati kandungan PUM telah mereka terima adalah terlalu ringkas. Semua guru yang telah mengikuti kursus PUM telah mengalami peningkatan pengetahuan tentang PUM.dengan sebanyak 28.6 % (2) guru sangat faham dan 71.4 % (5) guru memahami sedikit sahaja isi kandungan PUM yang telah disampaikan, Dari segi elemen yang hendak diterapkan melalui aktiviti PUM semua guru memahami sedikit sahaja elemen yang hendak diterapkan melalui PUM. Dari sudut kaedah menerapkan ciri keusahawanan pula, semua guru sama ada yang telah menghadiri kursus atau tidak pernah menghadiri kursus menyatakan bahawa mereka mengetahui hanya beberapa kaedah penerapan ciri keusahawanan menerusi PUM.

Selain itu, semua guru yang pernah menghadiri kursus, masih memerlukan bimbingan tambahan untuk melaksanakan PUM di MRSM. Walau bagaimanapun, daripada 11 orang guru yang pernah berkursus dan tidak pernah berkursus tersebut, seramai 7 orang guru merasa yakin boleh mengendalikan PUM. Berdasarkan dapatan ini, dapatlah dirumuskan bahawa kursus yang telah dihadiri oleh GPP kelihatan masih belum mantap untuk membantu guru melaksanakan PUM di MRSM dengan berkesan.

5.1.2 Kesiediaan pelajar melaksanakan PUM

Dalam usaha untuk melihat sejauh mana pelajar PUM telah bersedia menjalankan aktiviti PUM data yang terkumpul telah dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang kesiediaan mereka untuk melaksanakan PUM dengan berkesan. Dalam aspek maklumat yang diterima berkenaan PUM, kajian ini mendapati di kalangan 120 orang pelajar PUM sebanyak 75.8 % (91) pelajar telah bersetuju bahawa mereka telah mendapat maklumat tentang PUM pada awal kemasukan mereka ke MRSM, 85 % (102) pelajar telah mendapat penerangan tentang isi kandungan PUM menerusi taklimat yang telah diberikan oleh GPP dan sebanyak 72.5 % pelajar bersetuju yang mereka telah mendapat penerangan tentang pelaksanaan aktiviti PUM. Dari sudut kefahaman pelajar tentang PUM pula, keputusan kajian menunjukkan 79.2 % (95) pelajar memahami tujuan pelaksanaan PUM, 73.4 (88) pelajar mengetahui elemen yang ingin diterapkan melalui aktiviti PUM.

Dapatan kajian ke atas aspek persepsi pelajar terhadap PUM, didapati bahawa sebanyak 71.7 % (96) pelajar menganggap aktiviti PUM adalah menyeronokkan, 39.1 % pelajar menganggap aktiviti PUM tidak menambahkan bebanan kepada kerja rumah mereka, 55 % (66) pelajar menyatakan PUM tidak membuang masa mereka, 76.7% (92) pelajar bersetuju bahawa PUM telah mencapai objektif pelaksanaannya, 58.3 % (70) pelajar menyatakan tempoh pelaksanaan PUM adalah mencukupi, 46.7 % (56) pelajar sentiasa memerlukan bimbingan GPP dalam menjalankan aktiviti PUM, 45.8 % (55) pelajar bersetuju bahawa GPP sentiasa menerapkan nilai murni yang positif pada setiap kali PUM dijalankan. Seterusnya sebanyak 67.5 % (81) pelajar bersetuju bahawa PUM telah dilaksanakan mengikut jadual, 65 % (78) pelajar bersetuju yang GPP sentiasa memberikan galakan dan semangat kepada mereka

dalam melaksanakan aktiviti PUM, 56.7 % (68) pelajar bersetuju yang mereka mendapat kerjasama yang baik daripada rakan sebaya mereka, 75 % (90) pelajar bersetuju bahawa mereka mendapat galakan ibubapa mereka mereka dalam menyertai aktiviti PUM, 75.9 % (91) pelajar bersetuju bahawa PUM telah berjaya memupuk minat mereka untuk menceburkan diri dalam perniagaan pada masa hadapan. Berdasarkan data yang telah di analisis didapati bahawa pelajar PUM telah diberikan pendedahan dan bimbingan yang mencukupi untuk mereka melaksanakan aktiviti PUM di MRSM dengan berkesan. Oleh itu dapatlah dibuat rumusan bahawa pelajar PUM di MRSM telah cukup bersedia untuk menjalankan aktiviti PUM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PUM tidak berjaya menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar PUM. Berdasarkan keputusan ujian statistik didapati ciri keusahawanan pelajar PUM adalah sama seperti ciri keusahawanan pelajar lain yang tidak menyertai PUM. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa walaupun PUM gagal menerap ciri keusahawanan kepada pelajar yang menyertainya tetapi pencapaian akademik pelajar PUM adalah lebih baik sedikit berbanding dengan pencapaian pelajar lain yang tidak melibatkan diri dalam PUM. Dari segi peningkatan pencapaian akademik pula dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian akademik pelajar PUM bandar adalah lebih baik berbanding dengan pencapaian akademik pelajar PUM luar bandar.

5.1.3 Faktor yang menjadi penghalang kepada keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM

Analisis data mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang boleh menghalang keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM. Secara umumnya faktor tersebut boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman boleh diperhatikan dari dua sudut iaitu faktor yang berkaitan dengan

GPP dan faktor yang berkaitan dengan pelajar. Antara faktor dalaman yang dikenalpasti berkait dengan GPP ialah GPP yang kurang pengetahuan dan kemahiran tentang PUM, kesukaran meyakinkan guru tentang kepentingan menerapkan nilai positif kepada pelajar sebelum mereka mengharapkan keputusan peperiksaan pelajar yang cemerlang, sokongan pihak pentadbir MRSM yang tidak menyeluruh terutamanya dalam aspek mempromosikan aktiviti PUM serta menyebarkan berita kejayaan PUM. Manakala faktor yang berkait dengan pelajar PUM pula ialah sikap pelajar yang pasif serta bersikap negatif terhadap PUM. Manakala masalah luaran yang menjadikan pelaksanaan PUM kurang berkesan pula ialah tidak ada pemantauan berterusan dilakukan oleh pihak penganjur iaitu BPM.

Masalah GPP yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi tentang PUM berpunca daripada kelemahan dari segi pemilihan GPP yang mana tidak mengambilkira latar belakang sosial mereka sama ada pernah terlibat dengan bidang keusahawanan atau pun sebaliknya. Amalan ini bertentangan dengan pendapat Calvin A. Kent(1990) yang menyarankan supaya GPP seharusnya terdiri dari kalangan guru yang terlibat secara langsung dalam aktiviti keusahawanan seperti menjalankan perniagaan secara sambilan untuk membolehkan pelajar PUM mengikut dan mencontohi GPP yang membimbing mereka.. Keadaan ini akan dapat menyemarakkan keinginan pelajar untuk melibatkan sendiri dalam PUM. Oleh itu pemilihan GPP yang mengambilkira aspek ini akan dapat mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan PUM.

Dalam aspek tempoh masa melaksanakan PUM, dapatan menunjukkan bahawa tempoh masa melaksanakan PUM adalah pendek dan tidak mencukupi serta perlu dipanjangkan lagi. Saranan ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dibuat oleh William Wiersma & Stephen G. Jurs (1990) Dari kaca mata GPP pula,

kesukaran menentukan masa aktiviti PUM dijalankan ada kaitannya dengan pelaksanaan PUM yang tidak berkesan. Selain daripada masa yang tidak mencukupi, bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah syarikat PUM turut menyumbang kepada ketidakberkesanan pelaksanaan PUM. Disamping itu faktor tidak mendapat kerjasama daripada pelajar untuk melaksanakan aktiviti PUM dengan lancar turut menjadi penyebab kepada tidak berkesannya pelaksanaan PUM. Sementara faktor luaran yang memberi kesan yang besar terhadap ketidakberkesanan pelaksanaan PUM ialah kerana ketiadaan pemantauan ke atas pelaksanaannya. Dalam pelaksanaan PUM, banyak elemen keusahawanan cuba diterapkan melalui aktivitinya. Disebabkan elemen yang hendak diterapkan terlalu banyak hanya akan menyukarkan GPP untuk melaksanakan sepenuhnya dengan berbagai kekangan. Situasi ini menjadikan PUM akan terjejas pelaksanaannya. Rogayah Md. Zain (1994) mendapati PUM berjaya menerapkan ciri keusahawanan kepada pelajar di sekolah menengah tetapi dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan beliau iaitu pelajar yang pasif dan bersikap negatif terhadap PUM yang menjadi punca kepada kegagalan PUM di laksanakan dengan berkesan di MRSM.

Sementara Mohd. Amir Sharifuddin (1993) telah merumuskan mengenai kreativiti dan inoyatif pelajar PUM di mana kesan persekitaran budaya niaga di sekolah secara keseluruhannya adalah signifikan. Dapatan beliau tersebut didapati tidak selari dengan dapatan kajian ini yang mendapati tahap kreatif dan inovatif pelajar di MRSM tidak signifikan dan tidak memberi kesan keseluruhan maktab dari segi kewujudan persekitaran budaya niaga. Walau bagaimanapun penemuan ini didapati selari dengan penemuan Zulkifli Senteri (1994) yang mengkaji tentang kewujudan budaya niaga dikalangan pelajar sekolah menengah iaitu budaya niaga masih lemah kewujudannya dikalangan mereka. Oleh itu pelaksanaan PUM di

MRSM ini perlu diubahsuai segera oleh pihak penganjur sekiranya ingin melihat pelaksanaannya berkesan.

Pemilihan pelajar yang betul berminat untuk menyertai PUM juga akan menjadikan pelaksanaan PUM menjadi lebih berkesan. Ini kerana pelajar yang mempunyai minat yang tinggi akan memberikan komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawabnya. Disamping faktor pelajar, faktor kemudahan peralatan yang berkaitan dengan pelaksanaan PUM yang mencukupi perlu disediakan oleh pentadbir MRSM bagi memastikan PUM dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5.2 Implikasi kajian

Kajian ini cuba meninjau pelaksanaan PUM di empat buah MRSM Zon Utara. Tinjauan dilakukan ke atas empat aspek iaitu (i) kefahaman guru terhadap langkah melaksanakan PUM berdasarkan kursus yang mereka hadiri, (ii) langkah yang dijalankan oleh guru ketika melaksanakan PUM, (iii) Kesan PUM terhadap pencapaian akademik pelajar PUM. dan (iv) faktor yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM. Hasil kajian ini mungkin boleh memberikan sedikit maklumat penting tentang pelaksanaan PUM di MRSM. Maklumat ini mungkin dapat membantu pihak penganjur / stake-holder merangka sesuatu program peningkatan ke atasnya. Pihak penggubal kurikulum PUM misalnya, mungkin perlu meningkatkan pemantauan ke atas pelaksanaan kurikulum PUM yang sedia ada dengan memberikan penekanan yang lebih ke atas aspek ketrampilan diri GPP dan peserta PUM supaya selaras dengan objektif PUM dilaksanakan. Ini adalah kerana ketrampilan diri seseorang pelajar boleh dipupuk semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain daripada itu, adalah lebih baik sekiranya pihak yang terlibat dengan penilaian khususnya pihak BPM menjalankan kursus pengendalian PUM dari semasa ke semasa. Ini adalah kerana berdasarkan kajian ini nampaknya masih ramai guru yang tidak berkesempatan menghadiri kursus pembimbing PUM dan hampir semua responden yang ditemui menyatakan amat memerlukan bimbingan tambahan. Kemungkinan besar keadaan yang sama turut berlaku di MRSM lain. Di samping itu pelaksanaan PUM di MRSM haruslah dilakukan pemantauan supaya sebarang kesilapan atau kelemahan yang dilakukan oleh GPP dan pelajar PUM dapat diperbetulkan. Ini bertujuan supaya PUM yang dijalankan dapat menerap apa yang sepatutnya diterapkan dengan berkesan.

Seterusnya kepada guru selaku pihak yang membimbing pelajar adalah baik sekiranya mereka sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran tentang PUM bagi memperbaiki kaedah membimbing agar proses pemupukan kemahiran saintifik, sikap saintifik dan nilai murni berlaku dengan berkesan. Guru mungkin perlu memberikan lebih banyak penerangan tentang maklumat berkenaan PUM, elemen kemahiran, sikap dan nilai murni serta penerangan berkenaan instrumen untuk pelaksanaan PUM. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman dan kesediaan pelajar untuk melaksanakan PUM. Adalah wajar bagi guru melakukan sedikit anjakan paradigma terhadap corak pengajaran dan pembelajaran yang selama ini berorientasikan peperiksaan. Justeru itu, proses penerapan ciri keusahawanan mungkin akan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Di samping itu, guru juga seharusnya mempelbagaikan kaedah atau instrumen pelaksanaan agar tidak membosankan pelajar dalam melaksanakan aktiviti PUM..

Memandangkan pelaksanaan PUM di MRSM memerlukan masa yang agak panjang, maka pihak pentadbir sekolah mungkin perlu melakukan sedikit penyesuaian

dari segi jadual waktu untuk guru dan pelajar yang terlibat dengan PUM. Ini bertujuan untuk membantu melicinkan pengendalian PUM agar berjalan dalam suasana yang selesa dan lancar. Akhir sekali kepada pihak BPM sendiri adalah diharapkan agar dapat menambahkan prasarana dan melengkapkan prasarana di semua MRSM dengan peralatan yang diperlukan untuk melaksanakan PUM. Ini bertujuan untuk mengelakkan guru daripada menghadapi kesukaran menjalankan PUM kerana kekurangan peralatan yang sempurna. Seterusnya adalah diharapkan semoga segala saranan ini akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM.

5.3 Kesimpulan

Hasil tinjauan ke atas guru dan pelajar aliran sains tingkatan empat daripada empat buah MRSM Zon Utara, corak pelaksanaan PUM telah diperolehi. Berdasarkan kepada dapatan yang telah dibincangkan beserta dengan batasan kajian yang ada, maka kesimpulannya adalah diringkaskan seperti berikut:-

1. Kursus berkaitan dengan PUM yang telah dihadiri oleh guru nampaknya belum memadai untuk membantu guru memahami langkah mengendalikan PUM dengan berkesan.
2. Sebilangan besar guru sama ada yang pernah menghadiri kursus PUM atau sebaliknya telah melaksanakan PUM berpandukan prosedur yang terkandung di dalam Buku Panduan PUM.
3. Berdasarkan kefahaman tentang isi kandungan PUM kebanyakan pelajar PUM telah melaksanakan aktiviti PUM dan memahami tujuan pelaksanaannya.
4. Lebih ramai guru menyatakan bahawa faktor yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan PUM adalah masa yang tidak mencukupi untuk melaksanakan aktiviti PUM, bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah

syarikat PUM, elemen keusahawanan yang terlalu banyak untuk diterap melalui aktiviti PUM, sikap negatif pelajar terhadap PUM, sifat pelajar PUM yang pasif dalam menjalankan aktiviti PUM, kekurangan kerjasama daripada pelajar ahli PUM semasa aktiviti PUM dijalankan. Hanya sebilangan kecil sahaja daripada ahli syarikat PUM yang bergerak aktif dalam menjayakan aktiviti mereka, bilangan dan keadaan alat PUM yang tidak mencukupi dan ketiadaan pemantauan ke atas pelaksanaan PUM di MRSM oleh pihak BPM..

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Di dalam PUM, guru dan pelajar akan terlibat secara langsung. Kedua-dua pihak mempunyai peranan masing-masing ketika melaksanakannya. Kemungkinan besar wujud persepsi yang sama atau berbeza di antara guru dengan pelajar terhadap tujuan dan kepentingan pelaksanaan PUM. Oleh itu adalah wajar dijalankan kajian lanjutan tentang perkara ini. Dapatan daripada kajian yang dilakukan telah memberikan gambaran tentang corak pelaksanaan PUM di empat buah MRSM Zon Utara. Walau bagaimanapun, kajian seterusnya adalah diperlukan untuk mengembangkan lagi PUM yang masih dianggap baru dalam pendidikan keusahawanan di Malaysia. Secara spesifik, kajian adalah diperlukan untuk bidang berikut:-

- i. Kajian tentang pelaksanaan PUM di MRSM dalam bandar dan luar bandar. Kajian seperti ini sesuai dijalankan kerana kemungkinan terdapat perbezaan dari segi pelaksanaan PUM untuk MRSM dalam bandar dengan MRSM di luar bandar memandangkan kedua-dua jenis MRSM tersebut mungkin mempunyai kemudahan yang tidak setara serta faktor lain yang berbeza.

- ii. Kajian tentang hubungan pelaksanaan PUM dengan minat pelajar terhadap SubjekPrinsip Akaun dan Keusahawanan. Di samping itu, pelaksanaannya haruslah menggunakan berbagai kaedah. Oleh itu kemungkinan besar pelajar akan merasa seronok menjalani aktiviti PUM seterusnya menjadikan mereka berminat terhadap subjek Prinsip Akaun dan keusahawanan.
- iii. Kajian tentang persepsi guru dan pelajar terhadap tujuan dan kepentingan pelaksanaan PUM pada masa akan datang dijalankan dalam skop yang lebih luas yang melibatkan responden dari semua MRSM seluruh negara atau pun mencakupi semua institusi pendidikan kelolaan MARA seperti Institut Kemahiran MARA, Kolej Profesional MARA dan Institusi Kemahiran Tinggi MARA yang menawarkan PUM sebagai aktiviti kokurikulum mereka.
- iv. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dalam aspek berikut
 - i. Pelaksanaan PUM dari pandangan pentadbir sama ada dari kaca mata pengetua atau penolong pengetua MRSM dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM.
 - ii. Hubungkait antara pencapaian subjek akademik tertentu dengan aktiviti PUM yang diikuti oleh pelajar MRSM.

5.5 Penutup

Kajian ini dilakukan untuk meninjau keberkesanan pelaksanaan PUM. Tinjauan dilakukan terhadap guru sains dan pelajar aliran sains yang terlibat dengan PUM. Kajian telah dijalankan melalui soal selidik yang ditadbirkan di empat buah MRSM Zon Utara.

Hasil analisis data yang dikumpulkan mendapati bahawa kursus yang berkaitan dengan pelaksanaan PUM yang telah dihadiri oleh guru nampaknya masih belum memadai untuk membantu guru memahami langkah mengendalikan PUM dan hampir semua guru yang pernah berkursus atau sebaliknya telah melaksanakan PUM seperti yang telah ditetapkan. Kajian ini juga telah mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan PUM di MRSM. Antaranya ialah masa yang tidak mencukupi untuk menjalankan aktiviti PUM, saiz syarikat PUM yang besar, elemen keusahawanan yang terlalu banyak hendak diterapkan, pelajar yang pasif, kekurangan kerjasama daripada pelajar, bilangan alat PUM yang tidak mencukupi dan ketiadaan pemantauan ke atas pelaksanaan PUM di MRSM.

Bagi memperkukuhkan lagi dapatan kajian ini, maka telah dicadangkan beberapa bidang kajian lanjutan yang sesuai dijalankan pada masa hadapan. Antaranya ialah kajian tentang pengaruh lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar terhadap keberkesanan pelaksanaan PUM, pengaruh PUM terhadap minat pelajar kepada mata pelajaran Prinsip Akaun dan Keusahawanan serta persepsi guru dan pelajar terhadap tujuan dan kepentingan PUM. Akhir sekali melalui dapatan kajian ini juga mungkin boleh membantu pihak MARA selaku stake-holder untuk merangka sesuatu aktiviti atau tindakan susulan dengan harapan semoga PUM akan menjadi suatu instrumen pembelajaran keusahawanan yang terbaik bagi memupuk sikap dan nilai murni pada diri pelajar.